

BIL 1 / 2025



BULETIN MBSP

SCAN ME



MAJLIS ANGKAT SUMPAAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MBSP

TAHUN 2025

04 Nibong Tebal Festival
2025



13 Program Kempen Hentikan
Plastik Sekali Guna
(No Single Use Plastic)



17 Majlis Perasmian Pusat
Kitar Semula Taman
Villa Carnation, Bukit Minyak

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
Datuk Bandar

PENASIHAT

YBRS. TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD. NOR
Setiausaha Bandaraya

KETUA EDITOR

ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR

PUAN AMIRA BINTI AHMAD

PENOLONG EDITOR

ENCIK HASMIDI BIN ISMAIL
Jawatankuasa Buletin MBSP

JURUGAMBAR

ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI

ISI KANDUNGAN

01

Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP Tahun 2025 - 3 Januari 2025

02

Majlis Pelancaran Seberang Perai Corporate Priorities 2025 - 17 Januari 2025

03

Majlis Perasmian Mercu Tanda Replika Feri Ikonik - 18 Januari 2025

04

Nibong Tebal Festival 2025 - 18 Januari 2025

05

Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Dan Gotong-Royong Kampung Tok Keramat, Perai - 19 Januari 2025

06

Taklimat "Jom Potong Dan Tambah Zakat" - 23 Januari 2025

07

Majlis Perasmian Gelanggang Bola Keranjang Bandar Tasek Mutiara Dan Taman Putri Gunung, SPS - 25 Januari 2025

08

Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Dan Penuaian Cili Di Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor - 7 Februari 2025

09

Forest Bathing Siri I Dan Penanaman Pokok Bakau Sempena Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia (*World Wetland Day*) 2025 - 8 Februari 2025

10

Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (Hardcourt) Dan Tempat Letak Kereta Awam Di Lebuhraya Kampung Benggali, Butterworth - 15 Februari 2025

11

Program Karnival Upcycle Dan Promosi Pengasingan Sisa Dipunca Di Pasaraya Aeon Alma, Bukit Mertajam - 16 Februari 2025

12

Taklimat Penerangan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016), Sistem Pengurusan Pematuhan (ISO37301:2021) Dan Peranan, Tanggungjawab Serta Autoriti Ahli Majlis Dan Pengurusan Atasan - 18 Februari 2025

ISI KANDUNGAN

13

Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (No Single Use Plastic) - 18 Februari 2025

14

Taklimat Penerangan Dan Pendaftaran Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (Skm) - Cuepacs Zon Utara - 20 Februari 2025

15

Program Outreach Pemuliharaan Warisan Surau Lama Kubang Semang, Penanti - 22 Februari 2025

16

Projek Naik Taraf Butterworth Art Walk - 23 Februari 2025

17

Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Villa Carnation, Bukit Minyak - 23 Februari 2025

18

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Bagi Tahun 2024 Anjuran MBSP, Fraser & Neave Holding Bhd (FNHB) Dengan Kerjasama Tetrapak (Malaysia) Sdn. Bhd. - 28 Februari 2025

19

Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2025 Anjuran MBSP - 17 April 2025

20

Kejohanan Sukan Elektronik (E - Sport) FC 25 Peringkat MBSP 2025 - 19 April 2025

21

Program MBSP Santuni Komuniti - 20 April 2025

22

Majlis Pemberian Tong Kompos Kepada Sekolah-Sekolah Yang Menyertai Anugerah Sekolah Hijau Bagi Tahun 2024 - 24 April 2025

23

Sungai Perai Nature Walk 2025 - 27 April 2025

MAJLIS

ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN

AHLI MAJLIS MBSP

TAHUN 2025

3 JANUARI 2025

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima senarai nama 24 Ahli Majlis MBSP Tahun 2025 daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Pulau Pinang. PBN Pulau Pinang di bawah Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 membuat pelantikan Ahli Majlis MBSP untuk tempoh setahun iaitu mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025. Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP Tahun 2025 diadakan pada 3 Januari 2025 di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP.

Majlis Angkat Sumpah ini disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Turut hadir bersama Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Ketua-Ketua Jabatan / Agensi Negeri serta dif-dif jemputan.



Seramai 10 Ahli Majlis dari DAP, sembilan (9) Ahli Majlis dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), dua (2) Ahli Majlis dari Parti Amanah Negara (AMANAH), dua (2) Ahli Majlis dari Barisan Nasional dan seorang Ahli Majlis dari NGO. Daripada 24 Ahli Majlis berkenaan 18 Ahli Majlis yang dilantik semula untuk menjadi Ahli Majlis MBSP tahun 2025 manakala enam (6) Ahli Majlis tidak lagi berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP bagi tahun 2025.



MBSP mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala sumbangan dan sokongan yang telah diberikan oleh Ahli Majlis-Ahli Majlis tersebut sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Majlis MBSP. Seramai 18 Ahli Majlis yang dilantik semula untuk menjadi Ahli Majlis tahun 2025 adalah seperti berikut :

Senarai Nama Ahli Majlis MBSP Tahun 2025 adalah seperti berikut :

1. Encik Bernard Cheen Goon Hooi (DAP)
2. Encik Zainuddin bin Mohamed (PKR)
3. Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad (AMANAH)
4. YBhg. Datuk Mohd Noor bin Ahmad (BARISAN NASIONAL)
5. Puan Heng Yeh Shiuan (DAP)
6. Puan Teh Chuann Yien (DAP)
7. Encik Ooi Yong Wooi (DAP)
8. Encik Ngoh Cheng Hai (DAP)
9. Encik Ng Yee Siang (DAP)
10. Encik Chong Wei Hoong (DAP)
11. Encik Linggeswaran a/I Charmar (DAP)
12. Encik Ng Wai Leong (DAP)
13. Encik Ponnudurai a/I V Anthony Srinvasagam (DAP)
14. Encik Predeeb Kumar a/I Kalidass (PKR)
15. Encik Lim Chee Chien (PKR)
16. Puan Nur Aishah binti Zainol (PKR)
17. YBhg. Dato' Omar bin Hj Abdul Hamid (BARISAN NASIONAL)
18. Encik Benson Neoh Kah Wei (NGO)
19. Encik Lim Eng Nam (PKR)
20. Encik Azman bin Rahim (PKR)
21. Puan Yeoh Kim Kim (PKR)
22. Encik Mohamad Aisamuddin bin Mohamad Kaman (PKR)
23. Encik Zulkifli bin Md Yusof (PKR)
24. Encik Zulkiply bin Ishak (AMANAH)



MAJLIS

17 JANUARI 2025

PELANCARAN SEBERANG PERAI CORPORATE PRIORITIES 2025



Pada 17 Januari 2025, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melancarkan Seberang Perai Corporate Priorities 2025 (SPCP 2025) di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa. Turut hadir bersama adalah Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Barisan Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-Pegawai Kanan MBSP.





SPCP 2025 ialah dokumen strategik tahunan yang menyokong Pelan Strategik 2023-2030, bertujuan memastikan pembangunan holistik dan berimpak tinggi untuk Seberang Perai. Ia menumpukan 3 fokus utama iaitu Pemantapan Kebersihan, Pemerkasaan Penguatkuasaan dan Kesejahteraan Kewangan.

SPCP 2025 juga menggariskan 10 Keutamaan Strategik :

- SP01 - Persekitaran Yang Selamat
- SP02 - Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti
- SP03 - Gaya Hidup Sihat
- SP04 - Pembangunan Hijau Dan Persekitaran Bersih
- SP05 - Penerapan Teknologi Baru
- SP06 - Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing
- SP07 - Memperkukuhkan Budaya Dan Warisan
- SP08 - Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni
- SP09 - Keterlibatan Komuniti; dan
- SP10 - Pembangunan Bandar Yang Inklusif Dan Saksama

SPCP 2025 ialah dokumen strategik tahunan yang menyokong Pelan Strategik 2023-2030, bertujuan memastikan pembangunan holistik dan berimpak tinggi untuk Seberang Perai. Ia menumpukan 3 fokus utama iaitu Pemantapan Kebersihan, Pemerkasaan Penguatkuasaan dan Kesejahteraan Kewangan.

MAJLIS PERASMIAN MERCU TANDA REPLIKA FERI IKONIK

18 JANUARI 2025



Sejarah baharu tercipta di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth dengan perasmian mercu tanda Replika Feri Ikonik, simbol nostalgia dan warisan maritim Pulau Pinang. Mercu Tanda Replika Feri Ikonik ini adalah hasil kerjasama erat antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Pejabat Ahli Parlimen Bagan. Majlis perasmian mercu tanda ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzy bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Turut hadir bersama adalah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan; Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri; Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Barisan Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta dif-dif jemputan.

Replika ini menggambarkan perjalanan feri Pulau Pinang yang bermula sejak 1894, menjadi nadi pengangkutan utama rakyat pada 1960an hingga 1980an sebelum peranan utamanya diambil alih oleh Jambatan Pulau Pinang. Kini, ia kembali dikenang melalui reka bentuk moden replika yang menghormati sejarah dan aspirasi generasi akan datang.

Lokasi replika ini di tengah-tengah kawasan tumpuan masyarakat, bakal menjadi ikon pelancongan dan kebanggaan komuniti. Melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), ia diharap menjadi medium mempromosikan seni, budaya dan identiti tempatan, sambil menyatukan masyarakat melalui pelbagai aktiviti.



NIBONG TEBAL FESTIVAL 2025

18 JANUARI 2025

Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal meriah dengan perasmian Nibong Tebal Festival 2025 oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Festival ini adalah anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Pusat Khidmat KADUN Jawi, bertujuan merancakkan ekonomi tempatan dan menyatukan masyarakat melalui seni budaya dan warisan.



Turut hadir bersama pada majlis perasmian tersebut adalah Yang Berhormat Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal; Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi; Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Barisan Ahli Majlis MBSP; Datin Noraishah binti Hashim, Pengerusi PUSPANITA MBSP; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta dif-dif jemputan.

Bertemakan “Street Art Festival”, festival ini menampilkan persembahan unik seperti Wayang Kulit, Tarian Singa, Chingay dan pertunjukan api, selain pelbagai aktiviti seperti melukis batik, menaiki beca dan bengkel kaligrafi Cina. Semuanya adalah percuma untuk dinikmati. Festival ini bukan sahaja menyatupadukan masyarakat, tetapi juga menarik pelancong domestik dan antarabangsa, memperkenalkan Nibong Tebal sebagai destinasi seni dan budaya yang kaya dengan warisan.



PROGRAM

19 JANUARI 2025

KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR

DAN

GOTONG-ROYONG KAMPUNG TOK KERAMAT, PERAI



Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai merasmikan Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Dan Gotong-Royong Kampung Tok Keramat, Perai. Program anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama JPKKP Tok Keramat menarik hampir 100 kehadiran penduduk kampung yang mencerminkan semangat komuniti yang kuat dan keprihatinan terhadap kebersihan serta kelestarian alam sekitar.

Program ini memberi fokus kepada kesedaran penjagaan alam sekitar, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dan gotong-royong membersihkan kawasan kampung. Langkah ini selaras dengan dasar yang dikuatkuasakan sejak Julai 2024 untuk mengurangkan sisa ke tapak pelupusan dan meningkatkan kadar kitar semula. Usaha ini secara tidak langsung menjadi inspirasi kepada kampung lain dan membawa perubahan positif untuk generasi akan datang dalam menjadikan persekitaran lebih hijau dan bersih.

TAKLIMAT

"JOM POTONG DAN TAMBAH ZAKAT"

23 JANUARI 2025



Taklimat "Jom Potong Dan Tambah Zakat" anjuran bersama Zakat Pulau Pinang dan MBSP telah diadakan di Menara MBSP melibatkan seramai 225 kakitangan MBSP yang berpendapatan RM3,000 ke atas. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kewajipan zakat, memberi pencerahan kaedah pengiraan dan potongan zakat melalui gaji serta menyokong usaha Zakat Pulau Pinang membantu golongan memerlukan.

Perasmian taklimat zakat ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai. Turut hadir bersama adalah Yang Berbahagia Dato' Haji Alias bin Haji Ali, Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Yang Berusaha Tuan Haji Fisol Bin Nayan, Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji Negeri Pulau Pinang; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan MBSP.



MAJLIS

PERASMIAN GELANGGANG BOLA KERANJANG BANDAR TASEK MUTIARA DAN TAMAN PUTRI GUNUNG, SPS

25 JANUARI 2025

Majlis Bandaraya Seberang Perai komited untuk memperkukuh kemudahan rekreasi demi kesejahteraan masyarakat. Salah satu pencapaian terkini ialah naik taraf gelanggang bola keranjang di bawah program pembangunan BP1 dengan peruntukan RM280,000 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Projek ini bermula pada Oktober 2024 dan berjaya disiapkan pada Januari 2025. Lokasi strategik yang berhampiran sekolah dan kawasan perumahan menjadikan projek ini sesuai untuk menyokong gaya hidup sihat. Dengan akses mudah (400-500m jarak berjalan kaki), kemudahan ini akan menjadi ruang aktiviti riadah serta tempat memupuk hubungan masyarakat.



Sebanyak 19 projek naik taraf di seluruh Seberang Perai telah dirancang sepanjang 2024, merangkumi 8 projek di Seberang Perai Utara, 6 di Seberang Perai Tengah dan 5 di Seberang Perai Selatan. Ini adalah bukti usaha berterusan MBSP untuk meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pembangunan inklusif dan mampan.

Majlis perasmian gelanggang ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Turut hadir bersama adalah Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi; Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun; Barisan Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya MBSP; Tuan Khairulnizam Bin Hashim, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan serta dif-dif jemputan.



7 FEBRUARI 2025

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA PANDU LALU
DAN**

PENUAIAAN CILI DI PUSAT PENDIDIKAN HIJAU TASEK GELUGOR



Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor dibangunkan dengan beberapa jenis kaedah pertanian dan tanaman yang diusahakan adalah dengan menggunakan kaedah fertigasi, hidroponik dan tanaman kontan. Pusat Pendidikan Hijau Tasek Gelugor yang dulunya dikenali dengan nama Pusat Pendidikan Hijau Padang Cempedak, kini dalam proses penambahbaikan. Elemen-elemen penambahbaikan yang telah dan sedang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Pemasangan pagar baharu - telah siap dipasang pada Ogos 2024
2. Pusat Kitar Semula Pandu Laluan - telah siap dibina pada 5 Februari 2025
3. Dewan terbuka, pusat kompos & tandas - dalam proses penyediaan plan
4. Mini akuaponik - siap dibina oleh Unit Kebun dan Kompos, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
5. Stesen kompos sisa kebun menggunakan tong sampah terpakai - telah diwujudkan
6. Program Bengkel Pertanian Bandar di PPHTG - program bulanan bersama komuniti

Sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Puncu Negeri Pulau Pinang, maka pusat kitar semula pandu lalu ini ditubuhkan bagi memudahkan penduduk sekitar terutamanya kawasan kampung untuk melupuskan barangan kitar semula. Seperti yang telah sedia maklum, kaedah bagi melupuskan sisa kitar semula oleh penduduk kampung ialah dengan cara mengasingkan sisa dan menghantar ke pusat kitar semula terdekat.

Perancangan untuk pembinaan dewan terbuka adalah bertujuan untuk memudahkan program-program diadakan di PPHTG seperti bengkel pertanian bandar yang telah dirancang untuk dijadikan program bulanan.

Pusat kompos pula bertujuan untuk mewujudkan satu lokasi dimana semua kerja-kerja memproses sisa organik dapat dijalankan setempat bagi memudahkan pemantauan proses pengkomposan dan hasil kompos yang diperolehi.



FOREST BATHING SIRI I DAN PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAB SEDUNIA (WORLD WETLAND DAY) 2025



Program *Forest Bathing* di Seberang Perai selaras dengan Pelan Strategik Seberang Perai 2023–2030 dan visi Penang 2030 untuk gaya hidup sihat dan kelestarian alam. Berasal dari Jepun, konsep ini terbukti memberi manfaat kesihatan fizikal dan mental serta sejajar dengan aktiviti eko-pelancongan seperti mendaki dan bersiar-siar di taman. Dilaksanakan sejak 2017, program ini bersifat *people-centric*, melibatkan komuniti pelbagai peringkat umur melalui pendekatan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB). Ia bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang kesihatan dan alam sekitar tetapi juga menggalakkan interaksi sosial.

Tahun ini, program *Forest Bathing* diadakan bersempena Hari Tanah Lembap Sedunia (2 Februari) bagi menyokong pemeliharaan ekosistem tanah lembap, termasuk paya bakau dan sungai yang menjadi habitat hidupan liar. MBSP turut mengambil inisiatif menanam 500 pokok bakau (*Rhizophora apiculata*) di Sungai Chenaam bagi mengekalkan kestabilan ekosistem dan mengurangkan impak perubahan iklim. Program ini mencerminkan komitmen MBSP dalam menjadikan Seberang Perai sebagai bandar hijau, inklusif, dan mampan. Semoga usaha ini terus memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Program ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Hj Rashidi bin Zinol, EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar merangkap ADUN Sungai Acheh. Turut hadir bersama Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Datin Noraishah binti Hashim, Pengerusi PUSPANITA MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta para peserta program.



PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF GELANGGANG SERBA GUNA (HARDCOURT) DAN TEMPAT LETAK KERETA AWAM DI LEBUH KAMPUNG BENGGALI, BUTTERWORTH



Penduduk sekitar Lebuah Kampung Benggali kini boleh menikmati kemudahan yang lebih selesa dan mesra pengguna. Projek naik taraf Gelanggang Serba Guna (Hardcourt) dan Tempat Letak Kereta (TLK) Awam telah berjaya disiapkan dengan kos RM381,000 dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Projek yang bermula pada 15 Februari 2024 dan siap sepenuhnya pada 9 Ogos 2024.

Antara penambahbaikan yang telah dijalankan :

- I. Gelanggang pelbagai guna – Boleh digunakan untuk futsal, bola keranjang, sepak takraw dan bola tampar.
- II. Tempat letak kereta baharu – 32 petak keseluruhan, termasuk satu khas untuk OKU.
- III. Elemen softscape – Pokok dan rumput ditanam bagi mencantikkan kawasan.
- IV. Laluan pejalan kaki mesra pengguna – Lebih selamat dan selesa untuk semua.

Projek ini adalah hasil sesi libat urus bersama komuniti sejak 2021, dengan 81% penduduk menyokong cadangan membina tempat letak kereta di sebahagian kawasan gelanggang. MBSP komited untuk terus menyediakan kemudahan awam yang berkualiti demi kesejahteraan komuniti setempat dan semoga kemudahan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat dan menjadi pemangkin kepada gaya hidup yang lebih sihat dan harmoni.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Turut hadir bersama adalah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan; Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam, Ahli Dewan Negara; Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan, ADUN Bagan Dalam; Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen, ADUN Bagan Jermal; Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze, ADUN Sungai Puyu; Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Barisan Ahli Majlis MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta dif-dif jemputan.



16 FEBRUARI 2025

PROGRAM KARNIVAL *UPCYCLE* DAN PROMOSI PENGASINGAN SISA DIPUNCA DI PASARAYA AEON ALMA, BUKIT MERTAJAM



Program ini berlangsung setiap Ahad minggu ketiga setiap bulan, bermula 16 Februari 2025, dengan sasaran 200 peserta termasuk komuniti setempat seperti Kepala Gajah, Simpang Ampat, dan JCI Batu Kawan. Inisiatif ini juga menyokong Dasar Pengasingan Sisa Di Punca (berkuatkuasa sejak Julai 2024) serta menggalakkan amalan Pengguna Bijak 8R – *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover, dan Recycle*. Dengan pendekatan holistik ini, diharapkan ia dapat membantu membentuk bandar rendah karbon yang lebih lestari, sejajar dengan visi Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Hijau dan Pintar.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa. Turut hadir bersama adalah Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Barisan Ahli Majlis MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta para pengunjung.

Karnival *Upcycle* Dan Promosi Pengasingan Sisa Di Punca ialah inisiatif berimpak tinggi untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengurusan sisa dan kitar semula. Program ini memberi peluang kepada orang ramai untuk memahami dan menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.





TAKLIMAT PENERANGAN SISTEM PENGURUSAN **ANTI-BRIBERY (ISO 37001:2016)** SISTEM PENGURUSAN PEMATUHAN (ISO 37301:2021) DAN PERANAN, TANGGUNGJAWAB SERTA AUTORITI AHLI MAJLIS DAN PENGURUSAN ATASAN

18 FEBRUARI 2025

Taklimat ini bertujuan memperkukuhkan pemahaman mengenai Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ABMS) dan Sistem Pengurusan Pematuhan (CMS) bagi memastikan pentadbiran yang telus, berwibawa dan berakauntabiliti. Kejayaan pelaksanaan sistem ini bergantung kepada sokongan Ahli Majlis dan Pengurusan Atasan MBSP serta komunikasi dalaman yang berkesan.

Dengan mematuhi ISO 37001:2016 (Anti-Bribery) dan ISO 37301:2021 (*Compliance Management*), MBSP dapat membanteras rasuah dan menerapkan budaya pematuhan dalam pentadbiran. Seramai 53 peserta, termasuk Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi MBSP, menunjukkan komitmen tinggi dalam memahami serta melaksanakan sistem ini.



Sejajar dengan Visi Penang2030, MBSP menyokong pembangunan mampan dengan pentadbiran yang berintegriti dan cekap. Peranan kepimpinan MBSP amat penting dalam memastikan pelaksanaan dasar yang amanah dan bebas daripada unsur yang menjejaskan kepercayaan rakyat. Datuk Bandar Seberang Perai dalam ucapan beliau berharap agar usaha ini terus memperkukuhkan integriti MBSP dan memberi impak positif kepada masyarakat.



KEMPEN HENTIKAN PLASTIK SEKALI GUNA (NO SINGLE USE PLASTIC)



Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Pertubuhan Wanita Mutiara dalam kempen menggalakkan penggunaan bahan lestari dengan menggantikan plastik sekali guna kepada Tiffin (mangkuk tingkat). Sebanyak 132 unit Tiffin diberikan kepada peniaga di Gerai Makanan Pasar Awam Taman Chai Leng, Perai sebagai langkah menggalakkan amalan mesra alam. Kempen ini juga merangkumi taklimat pengasingan sisa dan edaran risalah mengenai Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna, sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menangani pencemaran plastik sejak 2019. Selain mengurangkan pencemaran, kempen ini memperkenalkan konsep 8R (*Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover, Recycle*) untuk perubahan gaya hidup yang lebih lestari.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Yang Amat Berbahagia Madam Tan Lean Kee, Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara. Turut hadir bersama adalah Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar merangkap ADUN Perai; Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze, ADUN Sungai Puyu; Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Barisan Ahli Majlis MBSP; Encik Tan Hock Chai, Pengerusi MPKK Taman Chai Leng; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta para pengunjung.



TAKLIMAT

PENERANGAN DAN PENDAFTARAN PENSIJILAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) CUEPACS ZON UTARA

Satu taklimat khas berkaitan Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui Pentauliah Pencapaian Terdahulu (PPT) telah dianjurkan oleh CUEPACS yang berlangsung di Auditorium Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan penyertaan seramai 200 peserta. Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada penjawat awam mengenai kepentingan pengiktirafan kemahiran berdasarkan pengalaman kerja dan latihan yang telah diperolehi. Langkah ini diyakini dapat meningkatkan keyakinan, motivasi serta produktiviti mereka, sekali gus menyumbang kepada mutu perkhidmatan yang lebih baik. Program ini juga selari dengan aspirasi kerajaan untuk membangunkan modal insan berkualiti serta memastikan tenaga kerja sektor awam mencapai tahap profesionalisme tinggi. Dalam era persaingan global, pengiktirafan kemahiran secara rasmi dianggap sebagai keperluan penting bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Datuk Bandar Seberang Perai, merakamkan penghargaan kepada CUEPACS atas inisiatif menganjurkan taklimat yang memberi nilai tambah kepada kakitangan awam. Usaha ini mencerminkan komitmen tinggi dalam memperkasa profesionalisme dan kompetensi sektor awam. Beliau turut menekankan bahawa skim pensijilan ini membolehkan penjawat awam yang berpengalaman memperoleh pengiktirafan rasmi, setanding dengan sijil akademik lain.



PROGRAM OUTREACH PEMULIHARAAN WARISAN SURAU LAMA KUBANG SEMANG, PENANTI

22 FEBRUARI 2025

Program Outreach Pemuliharaan Warisan bagi memelihara Surau Lama Kubang Semang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat. Program anjuran MBSP dengan kerjasama Yayasan Islam Pulau Pinang, Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang serta beberapa agensi lain menunjukkan kesungguhan dalam melestarikan warisan Islam di Seberang Perai.

Surau Lama Kubang Semang, yang dibina pada tahun 1910, merupakan mercu tanda bersejarah dengan seni bina tradisional Melayu yang unik. Namun, ia mengalami kemerosotan fizikal sebelum usaha pemuliharaan dimulakan pada Mac 2022 oleh Yayasan Islam Pulau Pinang, termasuk mendapatkan kebenaran pemilik tanah dan mengaktifkan semula surau dengan program pendidikan.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program ini, seperti kerja mengecat, pameran sejarah, bengkel kaligrafi serta demonstrasi makanan tradisional. Selain memulihara surau, program ini juga mengukuhkan hubungan silaturahim dalam komuniti. Selari dengan visi pembangunan mampan kerajaan negeri, MBSP berharap lebih banyak inisiatif seperti ini diteruskan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pemuliharaan warisan Islam dan budaya tempatan.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya. Turut hadir bersama adalah barisan Ahli Majlis MBSP; Penyelaras KADUN serta MPKK Kubang Semang; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta penduduk setempat.





PROJEK NAIK TARAF BUTTERWORTH ART WALK

23 FEBRUARI 2025



Butterworth Art Walk dinaik taraf bagi memperkukuh nilai seni, budaya dan warisan sebagai elemen penting pembangunan bandar lestari. Projek ini menerima peruntukan RM210,000.00 daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui peruntukan Kerja-Kerja Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai & Naik Taraf (PPUN) bermula pada 01 November 2024 dan siap sepenuhnya pada 02 Januari 2025.


Selain sebagai ruang seni dengan mural dan art installation, Butterworth Art Walk berfungsi sebagai medium pendidikan yang menghayati sejarah dan identiti bandar, sekaligus memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pelancongan unik.

Projek ini melibatkan kerja landskap, pembinaan laluan pejalan kaki, struktur bollard, penghadang motosikal, bangku taman dan plak penghargaan MOTAC. Inisiatif ini bukan hanya memperindah persekitaran tetapi juga meningkatkan keselamatan dan kebolehcapaian pengunjung. Butterworth Art Walk ini juga sebahagian daripada usaha pembangunan semula bandar untuk menghidupkan lorong-lorong terbiar, seiring dengan matlamat bandar mesra komuniti dan SDG. Sejak 2017, kawasan ini menarik kira-kira 25,000 pelancong setiap tahun, didorong oleh penganjuran Butterworth Fringe Festival. MBSP telah menerima peruntukan RM250,000.00 bagi tahun 2025 untuk membaik pulih mural dan lampu hiasan, membuktikan sokongan berterusan kerajaan dalam memajukan inisiatif ini. Butterworth Art Walk diharap terus berkembang sebagai ikon pelancongan warisan yang sejajar dengan aspirasi Penang 2030.





Majlis perasmian projek naik taraf telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan. Turut hadir bersama adalah Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan, ADUN Bagan Dalam; Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen, ADUN Bagan Jermal; Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai; Dr. Annuar bin Mohamed, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang; Barisan Ahli Majlis MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta dif-dif jemputan.



MAJLIS

PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA

TAMAN VILLA CARNATION, BUKIT MINYAK

23 FEBRUARI 2025

Satu program kesedaran kitar semula telah dianjurkan di Taman Villa Carnation, Bukit Minyak bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pengasingan sisa di punca serta memperkenalkan penggunaan sangkar kitar semula. Program ini turut menekankan usaha kolektif dalam melestarikan alam sekitar dan menjadikan sisa kitar semula sebagai bahan bernilai yang boleh memberi manfaat kepada komuniti.

Penempatan sangkar kitar semula di lokasi strategik ini diharapkan dapat menarik lebih ramai penduduk untuk mengamalkan pengasingan sisa, sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang diperketatkan mulai Julai 2024. Program ini juga merangkumi pelbagai aktiviti seperti demonstrasi penghasilan barangan upcycle, pameran kitar semula dari UiTM serta taklimat khas mengenai kaedah pengasingan sisa di punca. Dengan adanya pusat kitar semula ini, masyarakat diharap lebih menyedari bahawa amalan kitar semula bukan hanya tanggungjawab individu tetapi satu keperluan dalam membentuk persekitaran yang lebih bersih dan lestari. Inisiatif ini juga selaras dengan matlamat menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon yang berdaya huni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar.





Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai. Turut hadir bersama adalah Barisan Ahli Majlis MBSP; Encik Tan Gee Chye, Pengerusi Joint Management Body (JMB) Taman Villa Carnation; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta komuniti setempat.



28 FEBRUARI 2025

MAJLIS

PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH

BAGI TAHUN 2024 ANJURAN MBSP, FRASER & NEAVE HOLDING BHD (FNHB) DENGAN KERJASAMA TETRAPAK (MALAYSIA) SDN. BHD.



Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama Fraser & Neave Holding Bhd (FNHB) dan Tetrapak (Malaysia) Sdn Bhd telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2024 di Auditorium, MBSP. Pertandingan ini bagi menghargai usaha sekolah dalam memupuk budaya kitar semula sejak diperkenalkan pada 2017. Tahun ini, sebanyak 114,608.53 kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpulkan, menjadikan jumlah terkumpul sejak 2017 melebihi 600,000 kilogram. Penyertaan kategori sekolah rendah turut meningkat kepada 34 sekolah. Pemenang dinilai berdasarkan kutipan aluminium, plastik, kertas dan tetrapak per kapita. FNHB menaja hadiah utama serta Anugerah Khas Kutipan Plastik dan Aluminium Tertinggi bernilai RM20,030, manakala Tetrapak menaja Anugerah Khas Kutipan Kotak Minuman Tertinggi bernilai RM1,700, menjadikan jumlah tajaan RM21,730.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai. Turut hadir bersama adalah Barisan Ahli Majlis MBSP; Puan Terrynz Tan, Sustainability Director ASEAN, Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta dif-dif jemputan.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM PERTANDINGAN MENGUMPUL KOTAK MINUMAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025 ANJURAN MBSP

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menganjurkan Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2025, bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap amalan kitar semula dalam kalangan generasi muda. Sepanjang tempoh pertandingan dari Januari hingga Februari 2025, sebanyak 21 buah sekolah SJKC dari seluruh Seberang Perai telah berjaya mengumpul sebanyak 1,462.5 kilogram kotak minuman.

Pertandingan ini bukan sahaja memberi impak positif terhadap alam sekitar dengan memupuk semangat mencintai alam dalam kalangan generasi muda, tetapi turut menyumbang kepada penjimatan kos pelupusan sisa pepejal. Dengan meningkatkan kadar kitar semula, jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan dapat dikurangkan, sekali gus menjimatkan sumber kewangan bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur. Program ini juga berperanan sebagai platform pendidikan, di mana golongan muda dididik tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup lestari. Pengetahuan dan nilai-nilai ini akan menjadi asas kukuh untuk mereka terus menyumbang kepada kemampanan komuniti pada masa hadapan.



Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid. Turut hadir bersama adalah Barisan Ahli Majlis MBSP; Setiausaha Bandaraya, Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor dan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP.



Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid. Turut hadir bersama adalah Barisan Ahli Majlis MBSP; Setiausaha Bandaraya, Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor dan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP.

Senarai pemenang :

SEBERANG PERAI UTARA

Pertama – SJKC KUANG YU

Kedua – SJKC CHIN HWA

Ketiga – SJKC NUNG MIN

Keempat – SJKC AIK KEOW TAT

Saguhati – SJKC MAK MANDIN

Saguhati – SJKC MAH HUA

Saguhati – SJKC AIK KEOW PENAGA

SEBERANG PERAI TENGAH

Pertama – SJKC JIT SIN B

Kedua – SJKC PERKAMPUNGAN BERAPIT

Ketiga – SJKC KIM SEN

Keempat – SJKC SIN YA

Saguhati – SJKC LAY KEOW

Saguhati – SJKC PERMATANG TINGGI

Saguhati – SJKC PENG BIN

SEBERANG PERAI SELATAN

Pertama – SJKC YOK ENG

Kedua – SJKC KG JAWI

Ketiga – SJKC BONG BENG

Keempat – SJKC KG VALDOR

Saguhati – SJKC KENG KOON

Saguhati – SJKC CHONG KUANG

Saguhati – SJKC PAI TEIK



KEJOHANAN SUKAN ELEKTRONIK (E - SPORT)

19 APRIL 2025

FC 25 PERINGKAT MBSP 2025



Penganjuran kejohanan e-sukan anjuran Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dengan kerjasama PESUKA disifatkan sebagai bukti komitmen Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam memperkasa warga kerja melalui pendekatan teknologi dan gaya hidup sihat.

Datuk Bandar Seberang Perai, Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid berkata, e-sukan kini bukan sekadar hiburan, malah menjadi industri mampan yang mampu menjana peluang kerjaya dan memperkukuh nilai kesukanan dalam kalangan penjawat awam. Kejohanan ini membuktikan bahawa warga kerja MBSP bukan sahaja cemerlang dalam tugas harian, tetapi juga memiliki bakat dan semangat juang dalam bidang sukan moden.

PROGRAM MBSP SANTUNI KOMUNITI

20 APRIL 2025

Suasana meriah dan penuh warna-warni menghiasi Gelanggang Bola Keranjang Taman Tangling pagi ini apabila lebih 300 penduduk setempat berkumpul dalam Program MBSP Santuni Komuniti, satu inisiatif yang membuktikan komitmen MBSP dalam mendekati rakyat dan menyemai semangat perpaduan.

Program yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun turut mendapat kerjasama erat daripada Ahli Majlis MBSP serta komuniti sekitar. Turut hadir bersama adalah Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan MBSP.

Pelbagai aktiviti menarik berjaya menghidupkan suasana seperti senamrobik, pertandingan mewarna, sukaneka rakyat, pemeriksaan kesihatan, pameran agensi, kaunter bergerak dan jualan Rahmah. Program seperti ini bukan sekadar hiburan, tetapi lebih penting ia menjadi jambatan memperkukuh hubungan antara MBSP dan masyarakat, tanpa mengira latar belakang.

Selain memperkenalkan perkhidmatan MBSP secara lebih dekat, program ini juga menjadi wadah membina jaringan komuniti yang harmoni dan prihatin. Kehadiran pelbagai agensi serta penyertaan aktif penduduk jelas menunjukkan semangat kebersamaan yang kian kukuh di Seberang Perai.





24 APRIL 2025

MAJLIS

PEMBERIAN TONG KOMPOS KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENYERTAI ANUGERAH SEKOLAH HIJAU BAGI TAHUN 2024



Sebanyak 54 buah sekolah di Seberang Perai menerima tong kompos sebagai pengiktirafan penyertaan dalam Anugerah Sekolah Hijau 2024, dalam satu majlis yang berlangsung di Auditorium Menara Bandaraya MBSP. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama MSM Prai Berhad menyalurkan sumbangan tersebut sebagai usaha memperkukuh pendidikan alam sekitar dan amalan pengkomposan di sekolah. Inisiatif ini dijangka bukan sahaja mengurangkan sisa organik, malah membina komuniti rendah karbon di peringkat akar umbi.

Program tahunan ini memberi peluang kepada pelajar dan guru untuk belajar secara praktikal tentang pengurusan lestari, sejajar dengan visi menjadikan Seberang Perai sebagai bandar hijau, mampan dan inklusif. Usaha ini akan menyemai kesedaran mendalam terhadap tanggungjawab memelihara alam sekitar, bukan sahaja dalam kalangan warga sekolah, tetapi juga dalam kalangan komuniti setempat.

Turut hadir pada majlis itu adalah Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya; Barisan Ahli Majlis MBSP; Puan Cheng Lay Peng, MSM Prai Berhad; Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP serta pihak MSM Prai Berhad.



Program Sungai Perai Nature Walk 2025 anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berjaya menghimpunkan lebih 650 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat di Jeti Nelayan Kampung Terus, Penanti, Seberang Perai Tengah, pagi ini.

Program kali kelima ini diadakan bagi memupuk kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan sungai serta menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti rekreasi. Para peserta menempuh perjalanan sejauh 6.6 kilometer sambil menikmati keindahan landskap sawah padi dan flora fauna semula jadi menuju ke Mee Udang Sri Tambang sebelum kembali ke garisan penamat.

Setiausaha Bandaraya MBSP, Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi, penganjur bersama, komuniti setempat serta warga kerja MBSP yang menjayakan program ini. Beliau juga menekankan bahawa inisiatif ini sejajar dengan aspirasi Visi Penang2030 dalam membangunkan Seberang Perai sebagai bandaraya lestari, inklusif dan progresif.






Sungai Perai Nature Walk 2025



INFORMASI



www.mbsp.gov.my



Majlis Bandaraya Seberang Perai



[majlisbandarayaseberangperai](https://www.instagram.com/majlisbandarayaseberangperai)



[mbssp_pg](https://t.me/mbssp)



<https://t.me/mbssp>



[mbbsp_official](https://www.youtube.com/channel/UCmbsp_official)

LAMAN INFO



Menara Bandaraya

Jalan Perda Utama, Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang



04-549 7555



04-538 9700



BULETIN MBSP